

28 TAHUN

MINGGUAN SELEBRITI NO 1 MALAYSIA!

PLUS! NYARIS TAK KAHWIN DEK KERANA ORANG KETIGA ▶

MEDIA Hiburan

1 - 7 JUN 2013 TERBIT SETIAP SABTU TOP • POP • HOT

PANAS!

>> AZRI AFDIBURU LELAKI SONGSANG & DATIN

>> EZANY DITIPU PENGARAH DRAMA?

>> "PANGGIL SAYA MARSHA MILAN"

ARTIS DAKI 2058 ANAK TANGGA MENARA KUALA LUMPUR



SELEBRITI 'BERGADUH' DENGAN KELUARGA

Rosyam Nor SEBAK DI MAJLIS KAHWIN ANAK




MENANGI HADIAH HEBAT FILEM 'SWITCH'

"SAYA BUKAN EKSKLUSIF MILIK SESIAPA" Aaron Aziz



BELUM PUNYA ANAK "KAMI SIHAT" Zizan Nin



Fatin Afi & Ejam Esdeco

ISSN 1675-042X



RM3.50

PP5289/01/2013 (031217)

CHARGERS OUTFITTERS LANCAR KOLEKSI TERHAD

'Ironman 3'

Bersempena tayangan perdana filem 'Ironman 3' baru-baru ini, jenama pakaian ternama Chargers Outfitters tidak ketinggalan meraikan tayangan filem hebat itu bersama-sama dengan pelanggan bertuah mereka.

Istimewanya, bersempena tayangan eksklusif itu mereka telah melancarkan koleksi terhad 'Ironman 3' berdasarkan watak-watak ikonik komik Marvel sempena pelancaran filem blockbuster tersebut.

Koleksi ini telah dilancarkan dengan pertunjukan fesyen bersama-sama dengan tayangan khas filem itu di Premier Class GSC Signature, The Gardens Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur.

"Koleksi terhad ini diwujudkan sebagai satu tanda penghormatan kepada superhero Ironman yang ikonik dan popular di kalangan generasi muda," kata Niki Leng, Pengurus Penjenamaan dan Pemasaran Jordone Corporation Sendirian Berhad, Chargers Outfitters.



Model yang memperagakan baju edisi terhad 'Ironman 3'.



'GADIS M2' MEDAN MENCARI GADIS BERBAKAT

Sebut sahaja nama Erra Fazira, Maya Karin, atau Fazura, tentunya dalam minda membayangkan wanita-wanita jelita yang berjaya di dalam industri seni tempatan. Nama-nama inilah yang dijadikan inspirasi oleh para gadis di luar sana tetapi, tidak tahu bagaimana caranya untuk merebut peluang tersebut.

Hal itu sekali gus memberikan idea kepada Pengasas dan Ketua Eksekutif Kumpulan SEDANIA, Datuk Azrin Mohd Noor untuk menerbitkan sebuah program realiti khas untuk gadis-gadis yang bercita-cita tinggi untuk melangkah lebih jauh dalam industri.

Program yang dikenali sebagai 'Gadis M2' itu diterbitkan oleh produksi I Like Entertainment Sdn Bhd dan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Astro.

Program realiti yang sudah memulakan siarannya pada 19 Mei lalu menampilkan 10 orang peserta yang diuji dengan beberapa cabaran seperti pengacaraan, lakonan, imej, solekan, peragaan, dan juga fotografi.

Kesemua mereka dibantu oleh seorang 'big sister' atau lebih tepat sebagai mentor iaitu, Dynaz Mokhtar dan juri tetap, Datin Sofea Jane yang digandingkan dengan Zaihani Zain.

Program realiti terbaru ini bersiaran setiap hari Ahad, jam 10 malam di Astro Ria saluran 104. **MH**



Barisan peserta, juri dan pihak penerbitan program 'Gadis M2'.